

**Kerajaan Jamin Pembangunan Bukit Kiara Tidak Jejas Flora Dan Fauna
Bernama
13 Julai, 2012**

GEORGE TOWN, 13 Julai (Bernama) -- Kerajaan memberi jaminan bahawa sebarang langkah yang diambil untuk mewartakan Taman Bukit Kiara dan kawasan sekitarnya sebagai Taman Awam Berskala Besar (LSPP), tidak akan menjejaskan flora dan fauna.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Datuk Seri Chor Chee Heung berkata beberapa penduduk menyuarakan kebimbangan mereka tentang pembangunan Bukit Kiara kerana mendapati kerja menaik taraf yang dilakukan telah merosakkan Taman Bukit Kiara.

"Saya ingin beri jaminan kepada rakyat Malaysia bahawa Bukit Kiara adalah sebahagian daripada agenda kerajaan untuk memulihara satu kawasan tanah seluas kira-kira 188.9 hektar (467 ekar). Saya juga ingin beri jaminan kepada orang ramai bahawa selagi kerajaan yang ada sekarang kekal, taman itu akan kekal.

"Ia akan dikenali sebagai 'Arboretum' yang mana flora dan fauna akan dipulihara," katanya kepada pemberita selepas melawat pameran hartanah di sini Jumaat.

Projek LSPP berharga RM250 itu akan mengandungi enam zon -- pusat pentadbiran dan hijau, rekreasi keluarga, Arboretum tropika, Arboretum bernilai tinggi, riparian, pemuliharaan hidrologi dan biodiversiti.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=680523>